

**PEMBINAAN KEUPAYAAN MELAYU DALAM ARUS GLOBALISASI: SATU KAJIAN  
MENGENAI NILAI KEAGAMAAN MASYARAKAT MELAYU DALAM BIDANG  
PENDIDIKAN**

Zakaria Stapa, Zainab Ismail, Mohd Zamro Muda, Roziah Sidik @ Mat Sidek dan  
Fauzinaim Hj. Badaruddin  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

*Abstrak:* Agama Islam memainkan peranan yang cukup besar dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu. Kekuatan nilai keagamaan yang ada dalam ajaran Islam telah menjadikan seorang Melayu yang tidak begitu prihatin dengan pelaksanaan ajaran Islam sekalipun akan marah kalau dituduh kafir. Senario ini menunjukkan bahawa nilai keagamaan yang ada dalam ajaran Islam cukup penting dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Melayu. Namun, dalam arus globalisasi, apakah nilai keagamaan yang dipegang oleh masyarakat Melayu mempunyai tafsiran agama yang menyeleweng daripada perspektif Islam? Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti nilai-nilai keagamaan yang menjadi pegangan masyarakat Melayu dalam arus globalisasi khususnya dari segi pendidikan, faktor-faktor yang mempengaruhinya serta impak globalisasi terhadapnya. Metod kajian berasaskan tiga teknik pengumpulan data iaitu soal selidik, temubual tidak berstruktur dan pemerhatian. Soal selidik dijalankan ke atas 1500 orang pelajar Melayu yang sedang menuntut dalam tahun akhir sesi 2001/2002 di UKM, UM dan UIAM. Temubual tidak berstruktur pula melibatkan 33 orang informan yang bertugas sebagai imam, guru agama, kadi, pensyarah, pegawai hal ehwal agama Islam dan pendakwah di seluruh Malaysia. Manakala pemerhatian pula dilakukan terhadap nilai keagamaan yang dipegang oleh masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian. Untuk melihat hubungan dan menentukan jumlah sumbangan faktor kepada pegangan nilai keagamaan masyarakat Melayu, korelasi *product-moment* dan regresi *multiple linear* digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai keagamaan yang menjadi pegangan masyarakat Melayu dalam arus globalisasi dari segi pendidikan adalah kuat dan masih tepat dengan ajaran Islam. Kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian, tempoh pendidikan bapa responden, tempoh pendidikan ibu responden dan tempoh responden berada di zon merupakan empat faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai keagamaan masyarakat Melayu. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa arus globalisasi tidak begitu menggugat pegangan nilai keagamaan masyarakat Melayu dari segi pendidikan. Namun, masyarakat Melayu sudah mula berasa bimbang dengan impak negatif yang dibawa oleh arus globalisasi, khususnya untuk jangka masa yang panjang. Ekoran daripada kebimbangan tersebut, maka masyarakat Melayu mencadangkan beberapa saranan utama.

Kata kunci: Melayu, Globalisasi, Pendidikan, Nilai keagamaan, Agama

## PENGENALAN

Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian mengenai Pembinaan Keupayaan Melayu Dalam Arus Globalisasi. Kajian ini melibatkan 10 kumpulan penyelidik yang mengkaji pelbagai aspek berkaitan pembinaan keupayaan Melayu dalam arus globalisasi. Tulisan ini sebenarnya adalah sebahagian daripada hasil kajian mengenai salah satu daripada 10 penyelidikan iaitu yang bertajuk Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu Dalam Arus Globalisasi. Penyelidikan ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif. Antaranya ialah untuk mengenalpasti nilai-nilai keagamaan yang menjadi pegangan masyarakat Melayu masa kini, bagi maksud memperkukuhkan mana-mana yang tepat dengan ajaran Islam dan memperbetul mana-mana yang tidak tepat. Ia juga bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi nilai-nilai keagamaan yang dipegang oleh masyarakat Melayu dan mengukur sejauhmana impak globalisasi terhadap nilai-nilai keagamaan pegangan masyarakat Melayu.

## BAHAN DAN KAEDAH

### *Pemilihan Kawasan Kajian*

Kajian ini secara bertujuan (*purposive*) memilih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebagai kawasan kajian. Ini kerana ketiga-tiga universiti tersebut mempunyai jumlah kemasukan pelajar Melayu yang lebih ramai berbanding dengan universiti-universiti lain. Golongan ini pula datang daripada pelbagai negeri dalam Malaysia dan mereka boleh dianggap sebagai mewakili seluruh zon di Malaysia.

### *Pemilihan Sampel*

Sampel dipilih daripada dua kategori iaitu golongan pelajar Melayu (seramai 1500 orang) dan golongan Melayu yang mempunyai autoriti dan pengaruh dalam masyarakat (seramai 33 orang). Secara terperinci, bilangan sampel yang dipilih daripada golongan pelajar Melayu adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Bilangan Sampel Pelajar Melayu Mengikut Universiti

Universiti	Bilangan Sampel
UKM : Pengajian Islam, Sains Sosial, Sains, Ekonomi, Undang-Undang	500
UM : Pengajian Islam, Sains Sosial, Sains, Ekonomi, Undang-Undang	500
UIAM : Pengajian Islam, Sains Sosial, Sains, Ekonomi, Undang-Undang	500

Manakala, 33 orang dari kategori golongan Melayu yang mempunyai autoriti dan pengaruh, terdiri daripada informan yang bertugas sebagai imam, guru agama, kadi, pensyarah, pegawai hal ehwal Islam dan pendakwah.

### *Pengumpulan Data*

Data dikumpulkan melalui temu bual berstruktur (soal selidik), temubual tidak berstruktur dan pemerhatian.

### *Penganalisan Data*

Data yang diperolehi daripada soal selidik diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Dalam konteks kajian ini, teknik korelasi *product-moment* dan teknik regresi linear berganda (*multiple linear regression*) digunakan. Melalui penggunaan teknik korelasi *product-moment*, kajian ini dapat mengenalpasti hubungan di antara semua faktor yang dianggap mempunyai perkaitan dengan kekuatan nilai keagamaan yang dipegang oleh masyarakat Melayu. Faktor yang mempunyai korelasi yang signifikan digunakan untuk analisis regresi linear berganda. Manakala, penggunaan teknik regresi linear berganda, pula akan membolehkan penyelidik mengetahui sebab mengapa nilai keagamaan yang dipegang oleh sebahagian masyarakat Melayu kuat, manakala sebahagian yang lain lemah.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

*Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu Dalam Bidang Pendidikan*

Kajian ini mendapati bahawa lebih 95 peratus daripada responden mementingkan nilai keagamaan dalam semua aktiviti kehidupan yang berkaitan dengan pendidikan. Nilai pendidikan yang paling tinggi dianggap penting oleh responden ialah yang berkaitan dengan pendidikan agama perlu menjadi teras dalam sistem pendidikan negara (97.7%). Nilai pemilihan bahan bacaan perlu berasaskan kepada peningkatan pengetahuan agama (97.6%) pula menduduki tangga kedua. Ini diikuti oleh matapelajaran agama perlu diwajibkan dalam pendidikan formal (97.4%) dan pemilihan sekolah perlu mengambilkira komponen pengajaran mata pelajaran agama (95.1%) (Lihat Jadual 2).

Jadual 2: Peratus Pegangan Masyarakat Melayu Terhadap Nilai Keagamaan dari Segi Pendidikan Berdasarkan Keseluruhan Sampel

Nilai Keagamaan dari Segi Pendidikan	Nilai Penting dalam Agama	Nilai Penting Agama	Tidak Berkecuali	Jum.
1. Mata pelajaran agama perlu diwajibkan dalam pendidikan formal	97.4	1.4	1.2	100.0
2. Pemilihan bahan bacaan perlu berasaskan kepada peningkatan pengetahuan agama	97.6	1.4	1.0	100.0
3. Pendidikan agama perlu menjadi teras dalam sistem pendidikan negara	97.7	1.3	0.9	100.0
4. Pemilihan sekolah perlu mengambilkira komponen pengajaran mata pelajaran agama	95.1	3.6	1.3	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002 [1]

Dapatan sebegini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu yang sedang berada dalam arus globalisasi masih mempunyai nilai keagamaan yang kuat dalam soal-soal yang berkaitan dengan pendidikan. Namun, pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik mendapati bahawa sememangnya terdapat sejumlah unsur negatif dan bertentangan dengan nilai yang dikehendaki oleh agama yang menjadi amalan masyarakat Melayu masa kini yang berkaitan dengan pendidikan. Ini boleh dilihat daripada kegagalan masyarakat Melayu untuk menjadikan tabiat membaca dan semangat cintakan ilmu yang digalakkan oleh agama sebagai amalan dalam kehidupan harian mereka. Malahan segelintir masyarakat Melayu yang suka membaca pun memilih bahan-bahan bacaan yang tidak boleh memperkukuhkan jati diri mereka sebagai muslim. Antara bahan-bahan bacaan begini ialah yang bercorak hiburan dan tahyul.

Dapatan tadi menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sedang terperangkap dalam kemelut kesalahan persepsi tentang pendidikan. Ini mendorong golongan agen agama (90.9%) membuat gesaan supaya pendidikan dan penguasaan ilmu perlu diterap dan dijanakan dalam setiap majlis-majlis ilmu yang dikendalikan oleh mereka. Mereka mengambil inisiatif yang tinggi terhadap kewajipan menuntut dan menguasai ilmu dalam majlis-majlis yang kendalikan oleh mereka (97.0%).

*Hubungan Antara Pelbagai Faktor Dengan Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu Dari Segi Pendidikan*

Kajian ini menunjukkan bahawa tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian agama, tempoh pendidikan bapa responden, tempoh pendidikan ibu responden dan tempoh responden berada di zon merupakan empat faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai keagamaan masyarakat Melayu. Darpada keempat-empat faktor ini, tiga daripadanya didapati mempunyai nilai koefisien korelasi  $r$  yang signifikan pada paras 0.01. Tiga faktor tersebut ialah tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian agama ( $r = +0.154$ ), tempoh pendidikan bapa responden ( $r = -0.088$ ) dan tempoh pendidikan ibu responden ( $r = -0.072$ ). Manakala satu faktor lain iaitu tempoh responden

berada di zon ( $r = +0.055$ ) didapati mempunyai nilai koefisien korelasi yang signifikan pada paras 0.05 (Lihat Jadual 3).

Faktor lain seperti tempoh pendidikan responden, tempoh responden berada dalam aliran pengajian, tempoh ibu responden berada dalam aliran pengajian, kekerapan membaca majalah agama, kekerapan mendengar rancangan agama radio, kekerapan menonton rancangan agama televisyen dan tempoh responden bersama rakan sebaya didapati tidak signifikan pada kedua-dua paras tersebut (Lihat Jadual 3).

Oleh kerana hubungan di antara tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian agama dan tempoh responden berada di zon dengan nilai keagamaan dari segi pendidikan adalah positif, secara umumnya dapat dikatakan bahawa "semakin tinggi tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian agama dan tempoh responden berada di zon, maka kecenderungan untuk memegang nilai keagamaan dari segi pendidikan juga semakin besar". Sebaliknya, oleh kerana hubungan di antara tempoh pendidikan bapa responden dan tempoh pendidikan ibu responden dengan nilai keagamaan adalah negatif, secara umumnya dapat dikatakan bahawa "semakin lama tempoh pendidikan bapa responden dan tempoh pendidikan ibu responden, maka kecenderungan untuk memegang nilai keagamaan dari segi pendidikan semakin menurun".

Jadual 3: Analisis Korelasi Menunjukkan Hubungan antara Pelbagai Faktor dengan Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu dari Segi Pendidikan

Faktor	Nilai Keagamaan Orang Melayu dari Segi Pendidikan <i>r</i>	Sig T
Tempoh responden berada di zon	+0.055*	0.036
Tempoh pendidikan responden	+0.021	0.411
Tempoh pendidikan bapa responden	-0.088**	0.001
Tempoh pendidikan ibu responden	-0.072**	0.006
Tempoh responden berada dalam aliran pengajian	+0.000	0.990
Tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian	+0.154**	0.001
Tempoh ibu responden berada dalam aliran pengajian	+0.075	0.179
Kekerapan membaca majalah agama	+0.042	0.151
Kekerapan mendengar rancangan agama radio	-0.046	0.201
Kekerapan menonton rancangan agama televisyen	-0.032	0.277
Tempoh responden bersama rakan sebaya	-0.046	0.080

\*\* signifikan pada paras 0.01 (2 hujung)

\* signifikan pada paras 0.05 (1 hujung)

*Faktor Yang Mempengaruhi Pegangan Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu Dari Segi Pendidikan*

Kajian ini mendapati bahawa indeks  $R^2 = 0.027$  (Lihat Jadual 4). Ini bermaksud 2.7 peratus nilai keagamaan masyarakat Melayu dari segi pendidikan adalah ditentukan oleh empat faktor yang telah diambilkira pada peringkat korelasi dan mempunyai nilai koefisien korelasi  $r$  yang signifikan pada paras 0.01 dan 0.05. Keempat-empat faktor tersebut ialah tempoh responden berada di zon, tempoh pendidikan bapa responden, tempoh pendidikan ibu responden dan tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian. Selcbihnya iaitu sebanyak 97.3 peratus lagi menunjukkan bahawa nilai keagamaan masyarakat Melayu dari segi pendidikan adalah ditentukan oleh faktor-faktor lain yang tidak diambilkira dan di luar ruang lingkup kajian ini. Indeks koefisien beta pula adalah berbeza-beza di antara satu faktor dengan faktor yang lain.

Kajian ini menunjukkan bahawa tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian adalah faktor yang paling signifikan dan paling kuat mempengaruhi pegangan nilai keagamaan masyarakat Melayu dari segi pendidikan. Faktor ini didapati memberi sumbangan kepada masyarakat Melayu untuk terus menjadikan nilai keagamaan sebagai suatu unsur yang penting dalam pendidikan dengan koefisien beta (Beta = +0.128). Ini bermakna peluang pegangan nilai keagamaan masyarakat Melayu dari segi pendidikan akan meningkat sebanyak 0.128 peratus apabila bapa responden tersebut meningkatkan tempoh mereka berada dalam aliran pengajiannya. Hal ini akan terlaksana sekiranya pengawalan ke atas semua faktor lain dilakukan. Sebaliknya, faktor tempoh responden berada di zon, tempoh pendidikan bapa responden dan tempoh pendidikan ibu responden pula didapati tidak signifikan dan tidak mempengaruhi pegangan nilai keagamaan masyarakat Melayu dari segi pendidikan (Jadual 4).

Jadual 4: Analisis Regresi Berganda Menunjukkan Pengaruh Pelbagai Faktor ke atas Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu dari Segi Pendidikan

Faktor	Standardized Coefficients Beta	Sig F
Tempoh responden berada di zon	+0.028	0.535
Tempoh pendidikan bapa responden	-0.088	0.118
Tempoh pendidikan ibu responden	-0.015	0.729
Tempoh bapa responden berada dalam aliran pengajian	+0.128**	0.006

$R^2 = 0.027$  Sig F = 0.002

\*\* signifikan pada paras 0.01 (2 hujung)

\* signifikan pada paras 0.05 (1 hujung)

#### *Impak Globalisasi Terhadap Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu*

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati pegangan nilai keagamaan masyarakat Melayu dalam arus globalisasi adalah masih kuat. Dapatan ini menunjukkan bahawa arus globalisasi tidak begitu menggugat pegangan nilai keagamaan masyarakat Melayu. Ini mungkin kerana kedatangan arus globalisasi ke tengah masyarakat Melayu masih baru. Namun masyarakat Melayu kelihatan sudah mula bimbang dengan impak negatif yang dibawa oleh arus globalisasi khususnya untuk jangka masa panjang.

Sehubungan itu, berdasarkan dapatan kajian ini masyarakat Melayu membuat cadangan-cadangan bagi mempertahankan jatidiri dan keteguhan pegangan nilai keagamaan. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 5.

Jadual 5: Peratus Saranan Masyarakat Melayu bagi Menghadapi Arus Globalisasi

Saranan Bagi Menghadapi Arus Globalisasi	Peratus
1. Mengutamakan pengajaran al-Quran kepada anak-anak	94.1
2. Mendalami ilmu agama dengan berguru	88.7
3. Memilih hiburan yang berfaedah	94.2
4. Penekanan pendidikan aqidah kepada anak-anak	94.8
5. Memilih bahan bacaan yang berkualiti dan meningkatkan ilmu agama	97.6
6. Mewajibkan mata pelajaran agama dalam sistem pendidikan negara	97.7
7. Menekankan pendidikan akhlak	98.1

Sumber: Soal Selidik 2000 [1]

Antara saranan yang paling tinggi diharapkan oleh responden ialah menekankan pendidikan akhlak (98.1%), mewajibkan mata pelajaran agama dalam sistem pendidikan negara (97.7%), memilih bahan bacaan yang berkualiti dan meningkatkan ilmu agama (97.6%), penekanan pendidikan aqidah (94.8%), memilih hiburan yang berfaedah (94.2%), mengutamakan pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada anak-anak (94.1%) serta saranan berkaitan dengan mendalami ilmu agama (88.7%) (Lihat Jadual 5).

Berdasarkan kepada cadangan masyarakat Melayu ini, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu amat mengharapkan agar generasi Melayu kini diberi pendidikan agama yang mantap, baik dari segi konsep atau amali bagi menghadapi arus globalisasi.

### **PENGHARGAAN**

Para penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah memberi peluang kepada penyelidik untuk melaksanakan penyelidikan ini. Penghargaan juga dirakamkan kepada kumpulan induk penyelidikan ini yang berpusat di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, penghargaan turut dirakamkan kepada semua yang terlibat menjayakan penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

1. Soal Selidik 2002.